



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

MEMELIHARA KESUCIAN ISLAM

Tarikh Dibaca :

**15 ZULHIJJAH 1443H/
15 JULAI 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إدارة ترقية الإسلام
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MEMELIHARA KESUCIAN ISLAM

15 ZULHIJAH 1443H / 15 JULAI 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴾

أَفْأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَنْ يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا بَيِّنًا وَهُمْ نَائِمُونَ ۗ أَوْ آمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَنْ يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا
ضُحًى وَهُمْ يَلْعَبُونَ ۗ أَفَأَمِنُوا مَكْرَ اللَّهِ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْخَاسِرُونَ ۝
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bersedialah dengan bekalan yang secukupnya bagi diri dan ahli keluarga kita untuk menempuhi kehidupan akhirat yang kekal abadi. Sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah takwa. Berikan tumpuan kerana khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: “**Memelihara Kesucian Islam**”.

Sebelum itu, saya ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar serta memelihara hubungan silaturrahim. Teruslah bermunajat kepada Allah SWT agar segala ujian dan kesusahan yang kita hadapi dipermudahkan oleh Allah SWT. Selain itu, teruslah berwaspada dengan ancaman wabak penyakit seperti Covid-19, influenza dan penyakit-penyakit berjangkit

yang lain. Jagalah kebersihan kerana ia juga merupakan salah satu tuntutan yang sangat besar dalam Islam.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH

Alhamdulillah, kita baru sahaja menyambut hari raya korban atau Aidiladha. Semoga Allah SWT menerima ibadah korban yang telah kita lakukan dan menjadikan kita dalam kalangan orang-orang yang bertakwa. Kita doakan juga saudara-saudara kita yang telah selesai menunaikan ibadah haji di Makkah al-Mukarramah, semoga mereka semua mendapat haji yang mabrur dan selamat tiba ke tanah air kelak. Nabi SAW pernah bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةَ

Maksudnya: “Antara umrah kepada umrah lainnya itu akan menghapuskan dosa di antara keduanya. Dan haji mabrur tidak ada balasannya melainkan Syurga”. (Muttafaq ‘alaih)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Baru-baru ini, tular sebuah video tentang penistaan terhadap Islam. Ia merupakan sebuah berita yang sangat menyedihkan lantaran pelakunya sendiri ialah seseorang yang mengaku beragama Islam. Penistaan yang dibuat dalam bentuk komedi kononnya disambut dengan hilai tawa dari kalangan bukan Islam yang jahil tentang Islam itu sendiri. Selain itu juga, terdapat pula sebahagian umat Islam lain yang mempertikaikan pelaksanaan ibadah korban sedangkan ia sememangnya telah jelas salah satu syiar yang telah disyariatkan kepada kita. Kecelaruhan-kecelaruhan ini semuanya berlaku tidak lain berpunca dari kejahilan yang telah menebal dalam diri. Beraninya mereka menista, menghina dan mempertikaikan syiar dan syariat Islam juga kerana telah hilangnya rasa malu dalam diri. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النَّبِيِّ إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ فَاَفْعَلْ مَا شِئْتَ

Maksudnya: “Sesungguhnya antara yang didapatkan manusia dari perkataan (yang disepakati) para Nabi ialah; “Jika kamu tidak malu, berbuatlah sesukamu”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Sepatutnya kita berasa sangat bimbang jika Allah SWT menurunkan azab-Nya lantaran kemungkarannya dan kelekaan kita yang mengingkari perintah-Nya. Firman Allah SWT dari Surah al-A'raaf ayat 97-99 yang dibacakan pada permulaan khutbah tadi bermaksud:

“Patutkah penduduk negeri-negeri itu (bersedap hati) serta berasa aman daripada kedatangan azab Kami kepada mereka pada malam hari, semasa mereka sedang tidur? Atau patutkah penduduk negeri-negeri itu (bersedap hati) serta berasa aman daripada kedatangan azab Kami kepada mereka pada siang hari, semasa mereka sedang leka bermain-main? Patutkah mereka (bersuka ria) sehingga mereka berasa aman akan rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah? Kerana sebenarnya tidak ada yang berasa aman dari rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah itu melainkan orang-orang yang rugi”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Setiap perkara yang berlaku menunjukkan bahawa perlunya kita berpegang teguh dengan kepada al-Quran dan al-Sunnah sepertimana yang telah diperintahkan oleh Allah SWT. Inilah yang disebut oleh Rasulullah SAW bahawa umatnya tidak akan sesat jika berpegang teguh pada keduanya. Inilah juga yang telah diperingatkan oleh Rasulullah SAW agar “menggigit sunnahnya dengan geraham” yang bermaksud berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenar. Sebuah hadis yang direkodkan oleh Ibnu Majah: bahawa telah menceritakan kepadaku Yahya bin Abi al-Mutha’ beliau berkata; aku mendengar ‘Irbadh bin Sariyah berkata; *“Pada suatu hari Rasulullah SAW berdiri di tengah-tengah kami. Baginda memberi nasihat yang sangat menyentuh hati, membuatkan hati menjadi gemetar, dan berlinangan air mata. Lalu dikatakan; “Wahai Rasulullah! Engkau telah memberikan nasihat kepada kami satu nasihat perpisahan, maka berilah kami satu wasiat”. Baginda bersabda: “Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah, mendengar dan taat meskipun kepada seorang hamba Habasyi. Dan sepeninggalanku nanti, kamu akan melihat perselisihan yang sangat dahsyat, maka hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah para khulafaur rasyidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham, dan jangan sampai kamu mengikuti perkara-perkara (bid’ah) yang dibuat-buat, kerana sesungguhnya semua bid’ah itu adalah sesat”.* (Hadis riwayat Ibnu Majah)

Segala perkara berkaitan urusan agama tidak boleh dibahaskan berdasarkan logik akal semata-mata. Ia memerlukan kepada disiplin ilmu yang benar dan pemahaman yang jelas terhadap nas-nas berkaitan. Bahkan bagi orang-orang awam, perlunya mereka merujuk hal-hal berkaitan agama kepada pihak-pihak yang berautoriti. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 43:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ فَسْئَلُوْا اَهْلَ الذِّكْرِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ ۚ

Maksudnya: “Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui”.

Selain itu juga, Rasulullah SAW telah memberi amaran bahawa jika orang-orang jahil berbicara tentang hukum-hakam agama, mereka telah sesat bahkan menyesatkan orang lain pula. Sabda Rasulullah SAW:

اِنَّ اللّٰهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ اِنْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ
حَتّٰى اِذَا لَمْ يَبْقَ عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُءُوسًا جُهَالًا فَسُئِلُوْا فَاَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوْا وَاَضَلُّوْا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT tidak menghapus ilmu pengetahuan dengan cara mengambil sekaligus daripada hamba-hamba-Nya. Tetapi Allah SWT menghapus ilmu pengetahuan itu dengan kematian ulama sehingga tiada lagi orang yang alim. Ketika itu orang ramai melantik ketua-ketua mereka dari kalangan orang yang jahil dan apabila mereka ditanya mereka memberi fatwa dengan sewenang-wenangnya tanpa berpandukan ilmu pengetahuan. Maka mereka sesat lagi menyesatkan orang lain”. **(Hadis Riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin membawakan sebuah lagi kisah yang mencetuskan Perang Bani Qainuqa'. Kisahnya berlaku ketika seorang Muslimah berniaga di pasar Yahudi Bani Qainuqa'. Lalu puak-puak Yahudi Bani Qainuqa' cuba mengganggu Muslimah itu. Mereka cuba menarik niqab yang menutup wajah Muslimah itu dan cuba dilawan oleh Muslimah dengan kudrat

hawanya. Seorang tukang emas Yahudi yang berniaga di sebelah Muslimah itu pula secara diam-diam mengikat belakang baju Muslimah itu di tempat dia duduk. Apabila Muslimah itu bangun, terdedahlah auratnya. Para Yahudi ketawa sepuas hati mereka. Muslimah itu menjerit mohon bantuan dan segera disahut seorang lelaki Muslim. Dia terus menerkam tukang emas Yahudi itu dan membunuhnya. Bertambah panaslah orang-orang Yahudi yang menyaksikan adegan tersebut. Lalu lelaki itu dibunuh beramai-ramai.

Mengambil iktibar dari segala peristiwa yang telah berlaku, setiap umat Islam perlu memantapkan pegangan akidah agar mampu berhadapan dengan kewujudan banyak aliran pemikiran yang merebak dalam masyarakat Islam hari ini. Para bapa dan ibu bertanggungjawab memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak mereka selain menunjukkan contoh teladan yang baik berasaskan nilai-nilai Islam yang sebenar. Setiap umat Islam juga bertanggungjawab mempertahankan kesucian Islam daripada dinista dan dinoda.

Penistaan terhadap ajaran Islam tidak boleh dipandang remeh lebih-lebih lagi jika dibuat oleh umat Islam sendiri. Kita berdoa agar Allah SWT memelihara kita dan ahli keluarga dijauhkan dari kejahilan dan kesesatan. Panjatkan juga doa agar mereka semua diberi petunjuk hidayah untuk bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin meninggalkan beberapa pesanan:

Pertama: Berusahalah memperbaiki segala amal soleh agar ia diterima di sisi Allah SWT.

Kedua: Penistaan terhadap Islam yang berlaku berpunca daripada kejahilan dan hilangnya rasa malu dalam diri. Maka, para bapa dan ibu bertanggungjawab memberikan didikan Islam yang sempurna kepada anak-anak dan menunjukkan contoh teladan yang baik kepada mereka.

Ketiga: Setiap umat Islam **wajib** mempertahankan kesucian Islam daripada dinista dan dinoda.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 65-66:

وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِاللَّهِ وَعَايَاتِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِءُونَ
 ٦٥ لَا تَعْتَذِرُوا قَدْ كَفَرْتُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنَّ نَعْفَ عَنْ طَآئِفَةٍ مِّنْكُمْ نُعَذِّبُ طَآئِفَةً بِأَنَّهُمْ

كَانُوا مُجْرِمِينَ ٦٦

Maksudnya: "Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main". Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayat-Nya serta Rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?". Janganlah kamu beralih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman. Jika Kami maafkan sepuak dari kamu (kerana mereka bertaubat), maka Kami akan menyiksa puak yang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang terus bersalah".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.